



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/03/02\_18 (HQ)

### OPERASI BERSAMA TNB & SPRM: TIADA WARGA KERJA TNB DISOGOK

- Tiada warga kerja TNB terima habuan & tiada yang ditahan

Kami merujuk kepada laporan akhbar berkaitan operasi bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membanteras sindiket mencuri elektrik membabitkan perlombongan bitcoin.

Berlaku kekeliruan yang mungkin disebabkan salah faham dan kesilapan laporan sebahagian media mengenai kononnya warga kerja TNB menerima sogokan dari sindiket mencuri elektrik untuk melombong bitcoin. Kekeliruan ini juga semakin tular di media sosial.

“Hakikatnya, kaedah operasi sulit (covert) TNB bersama SPRM ini memerlukan intipan secara penyamaran (undercover) dibuat untuk memerangkap dan mendedahkan kegiatan sindiket ini,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

“Tiada warga kerja TNB yang ditahan kerana disahkan tiada warga kerja TNB yang menerima habuan dari anggota sindiket,” katanya.

Menurut Baharin Pengurusan TNB amat berterima kasih kepada SPRM dan warga kerja TNB yang terlibat dalam operasi ini yang mengambil masa lebih dua tahun sehingga tindakan undang-undang dapat diambil terhadap mereka yang terlibat.

Inisiatif bersama ini telah pun membawa hasil dengan tertangkapnya 18 individu melibatkan 7,209 kes sejak 2018. Operasi sulit itu juga telah membolehkan SPRM membekukan 126 akaun bank bernilai RM4.47 juta membabitkan 97 individu serta 29 syarikat. Daripada 18 dalang sindiket yang ditangkap, salah seorang mempunyai 500 unit rumah kedai yang disewa untuk aktiviti perlombongan bitcoin secara haram.

“Pengurusan TNB juga berbangga dengan integriti tinggi warga kerja TNB yang memaklumkan kepada pengurusan mengenai pelbagai cubaan anggota sindiket untuk menyogok pasukan mencegah kecurian elektrik TNB. Perkongsian tersebut membawa kepada operasi bersama SPRM.

“SPRM memerlukan masa untuk membina kes yang kukuh bagi mengesan dan memerangkap dalang dan ketua sindiket, bukan sekadar operator atau pekerja. Kejayaan operasi bersama SPRM dan TNB itulah yang diumumkan dalam media semalam,” katanya lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Mac 2022, jam 3:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din